

Pelajar Berkecerdasan Tinggi dalam Kalangan Pelajar Kelas Rancangan Khas

Nur Syazlina Hanim Bt Abdur Rahim¹, Jasmine Anak Jang¹, Nur Hana Afifa Bt Jamal¹, Florance Duya Low¹, Salina Anak Rentap¹, Nicorsons Anak Fabian¹, Gilbert Anak Gordion¹, Mohd Razimi bin Husin^{1*}.

¹ Faculty of Human Development, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.

Article History

Received:
24.04.2019

Revised:
17.05.2019

Accepted:
11.06.2019

*Corresponding Author:

Mohd Razimi Husin
Email:
razimi@fpm.upsi.edu.my

Abstrak: Falsafah Pendidikan Negara bermatlamat untuk memperkembangkan potensi individu pelajar secara menyeluruh dan bersepadu dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Pelbagai rancangan serta strategi sistem pendidikan dilakukan oleh Kementerian Pendidikan bagi merealisasikan hasrat yang dituntut oleh Falsafah Pendidikan Negara dalam melahirkan serta mengembangkan potensi dan kebolehan pelajar. Kajian ini berkaitan tentang pelajar yang mempunyai kecerdasan tinggi. Temu bual kepada para guru bertujuan untuk mengetahui tahap pelajar berkecerdasan tinggi yang terdapat di setiap sekolah di negara Malaysia serta melihat tahap kemampuan pelajar tersebut dalam meningkatkan prestasi dalam bidang akademik mahupun kokurikulum. Kaedah kajian yang digunakan adalah temu bual, pemerhatian, dan rujukan. Kesimpulan kajian ini iaitu pelajar yang berkecerdasan tinggi merupakan pelajar yang mempunyai kebolehan dalam setiap matapelajaran di sekolah. Hal ini dimana pelajar berkecerdasan tinggi ini adalah pelajar yang sering mendapat keputusan peperiksaan yang cemerlang dan pelajar yang menjadi tumpuan guru untuk menaikkan nama baik sekolah ke peringkat yang lebih tinggi dalam peperiksaan awam.

Kata Kunci: Pelajar, Kecerdasan, Bilik Kelas, Kelas Rancangan Khas.

Highly Intelligent Students in Special Plan Class

Abstract: The philosophy of National Education aims to develop the individual potential of students as a whole and to be physically, emotionally, spiritually and intellectually integrated. Various plans and strategies for the education system have been implemented by the Ministry of Education to realize the aspiration of the National Education Philosophy in producing and developing students' potentials and abilities. This study is about students with high intelligence. Interviews with teachers aim to find out the level of high-achieving students in every school in Malaysia and to see the level of student achievement in academic and co-curricular achievement. The study methods used were interviews, observations, and references. The conclusion of this study is that students with high intelligence are students who have the ability in every subject in the school. This is where these high-achieving students are the ones who often get excellent test results and students who are the focus of teachers to raise the school's reputation to the next level in public examinations.

Keyword: Students, Intelligence, Classroom, Special Plan Class.



1. Pendahuluan

Falsafah Pendidikan Negara bermatlamat untuk memperkembangkan potensi individu pelajar secara menyeluruh dan bersepadu dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Pelbagai rancangan serta strategi sistem pendidikan dilakukan oleh Kementerian Pendidikan bagi merealisasikan hasrat yang dituntut oleh Falsafah Pendidikan Negara dalam melahirkan serta mengembangkan potensi dan kebolehan pelajar. Setiap individu pelajar yang normal semenjak dari usia bayi telah memiliki potensi dan bakat yang boleh diperkembang dan dipertingkatkan.

Peningkatan teknologi dan arus permodenan negara, usaha ini semakin dilihat menghadapi cabaran dengan wujudnya pelbagai sumber atau semakin banyak bahan hiburan yang dicipta menjadikan minat pelajar terhadap aktiviti yang berkaitan dengan pendidikan semakin pudar. Fenomena ini sedikit sebanyak boleh memberi impak yang besar dalam perkembangan dan pertumbuhan fizikal, kognitif, psikomotor dan emosi mereka, terutama di kalangan pelajar yang mempunyai kecerdasan yang tinggi.

Pelajar yang mempunyai kecerdasan tinggi ini seharusnya diberikan perhatian yang baik dalam usaha untuk mengembangkan potensi pelajar yang sebegini. Ibu bapa, dan guru di sekolah seharusnya mengenali, dan kemudiannya mengasah kebolehan pelajar yang berkecerdasan tinggi agar dari aspek kognitifnya dapat ditingkatkan. Menurut Gardner [1], ada 8 jenis kecerdasan yang merangkumi kecerdasan bahasa, matematik, muzik, visual, interpersonal, intrapersonal, fizik kinestetik, dan kecerdasan naturalisasi. Oleh itu, ibu bapa dan guru seharusnya peka terhadap kebolehan pelajar mereka agar memudahkan pengembangan potensi pelajar yang sebegini.

Pelbagai program dapat digunakan sebagai medium untuk mengembangkan potensi pelajar yang mempunyai kelebihan ini seperti *“word smart, music smart, body smart dan number smart”*. Program yang sebegini jelas memberikan kesan yang positif kepada peningkatan spesifik kelebihan yang dimiliki oleh pelajar yang mempunyai kecerdasan yang tinggi, maka apabila potensi ini dapat dikembangkan dari peringkat awal, sudah semestinya ramai golongan cendekiawan, golongan seniman yang berkualiti dapat dilahirkan di negara kita. Golongan ini jelas dapat membantu dalam meningkatkan lagi nama negara di persada dunia dan tidak ketinggalan daripada megecapi kejayaan dalam pelbagai aspek, pendidikan, kesenian dan juga kebudayaan.

Peningkatan golongan pelajar yang mempunyai kecerdasan tinggi telah dikembangkan kebolehannya, misalnya dalam aspek pendidikan, hal ini dapat membantu negara dalam sector pendidikan, sector pembangunan dan juga sektor industri kerana pelajar yang mempunyai kecerdasan yang tinggi berkemampuan untuk mendapat keputusan yang cemerlang dalam pendidikan.

Kajian ini berkaitan tentang pelajar yang mempunyai kecerdasan tinggi. Hal ini dimana pengkaji telah menemu bual dua orang responden yang berpengalaman dalam mengajar pelajar yang berkecerdasan tinggi. Responden yang pertama merupakan salah seorang guru yang mengajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Air Kuning, Kampar Perak manakala responden yang kedua pula merupakan seorang bekas guru yang pernah mengajar di SMK Sultan Yussuf, Batu Gajah, Perak dan kini sedang menyambung pelajaran ke peringkat Doktor Falsafah di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Kedua-dua responden ini telah menjawab kesemua soalan yang telah diutarakan berdasarkan kajian dengan baik.

Kerajaan Malaysia telah menubuhkan Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) bagi menempatkan murid-murid cemerlang. Murid bumiputera luar bandar diberi keutamaan bertujuan merapatkan jurang antara penduduk bandar dengan penduduk luar bandar dalam bidang pendidikan. Walau bagaimanapun, SBP/MRSM yang ada tidak dapat menampung bilangan murid cemerlang UPSR / PMR yang meningkat setiap tahun. Dapat kita saksikan, Kelas Rancangan Khas ini merupakan salah satu program yang dijalankan Kementerian Pelajaran Malaysia.

Pelajar berkecerdasan tinggi akan ditempatkan di Kelas Rancangan Khas apabila telah berpindah ke sekolah menengah dimana pelajar yang ditempatkan di KKRK adalah pelajar cemerlang yang mendapat 5A atau 4A dalam peperiksaan UPSR dan tidak mendapat tawaran ke Sekolah Berasrama Penuh.

Persekitaran yang kondusif dapat menarik minat pelajar dalam mengikuti pembelajaran yang diajar oleh guru. Pelajar-pelajar yang berada di Kelas Rancangan Khas akan berada selama 3 tahun iaitu dari Tingkatan 1 sehingga Tingkatan 3 dan mereka ini diwajibkan tinggal diasrama bagi sesetengah sekolah.

Teknik Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) yang digunakan di sekolah-sekolah pada hari ini adalah berteraskan pembelajaran abad ke-21 iaitu proses pembelajaran yang berpusatkan kepada murid. Terdapat beberapa elemen yang diterapkan, iaitu komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis,

kreativiti serta aplikasi nilai murni dan etika. Elemen-elemen ini juga disebut sebagai standard asas dalam PAK21. Tidak dinafikan, guru-guru banyak menggunakan pembelajaran abad-21 (PAK-21) dalam PdPc mereka. Tumpuan yang baik semasa guru melakukan PdPc amatlah penting kepada semua pelajar. Selain itu, dalam membentuk pelajar bekecerdasan tinggi ini program-program meningkatkan akademik kokurikulum mahupun sahsiah. Dalam pada itu juga, untuk membentuk insan bekecerdasan tinggi Kementerian Pendidikan Malaysia turut menyediakan PdPc yang baik persis Sekolah Berasrama Penuh. Pelajar daripada Kelas Rancangan Khas ini melahirkan ramai yang cemerlang daripada sudut akademik, kokurikulum dan sahsiah. Sebagaimana yang kita tahu, terdapat juga cabaran yang guru hadapi dalam proses PdPc dalam menyampaikan ilmu buat pelajar.

Sesungguhnya, institusi pendidikan di Negara kita ini bertanggungjawab untuk memperkembangkan potensi setiap individu secara menyeluruh seperti yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Tanpa program pendidikan yang dirancang khas untuk pelajar-pelajar bekecerdasan tinggi dan berbakat di sekolah-sekolah, pelajar-pelajar tersebut terutamanya dari golongan yang kurang berada tidak berpeluang mendapat sokongan, bantuan serta adaptasi pendidikan yang diperlukan untuk perkembangan mereka secara optimum.

Justeru itu, kajian ini dijalankan bagi mengetahui ciri-ciri perbezaan pelajar bekecerdasan tinggi dengan pelajar lain, program yang dianjurkan di sekolah, teknik pembelajaran yang digunakan, mengenalpasti masalah tingkah laku serta cabaran yang guru hadapi dalam proses PdPc. Kajian ini juga ingin mengkaji berkaitan dengan statistik peningkatan ataupun penurunan dalam akademik melibatkan pelajar di Kelas Rancangan Khas.

Temu bual kepada para guru ini bertujuan untuk mengetahui tahap pelajar berkecerdasan tinggi yang terdapat di setiap sekolah di Malaysia serta melihat tahap kemampuan pelajar tersebut dalam meningkatkan prestasi dalam bidang akademik mahupun kokurikulum. Selain itu, kajian yang akan dijalankan merangkumi objektif-objektif berikut:

- Mengenalpasti ciri-ciri pelajar bekecerdasan tinggi.
- Mengkaji perbezaan yang dialami oleh para pelajar bekecerdasan tinggi tersebut.
- Menganalisis teknik atau alat bantu mengajar untuk pelajar bekecerdasan tinggi.
- Mengenalpasti cabaran-cabaran dihadapi guru mengajar pelajar bekecerdasan tinggi

2. Metodologi Kajian

Metodologi atau kaedah kajian merupakan satu proses bagi mendapatkan data dan maklumat dalam menjawab objektif kajian. Kaedah kajian juga penting bagi mendapatkan hasil dapatan kajian yang berkualiti. Kaedah kajian yang digunakan adalah temu bual, pemerhatian, dan rujukan.

2.1. Temu Bual

Kaedah temu bual yang dijalankan adalah berbentuk kualitatif iaitu temu bual berstruktur. Temu bual berstruktur ini dijalankan secara formal dan dirancang teliti. Pengkaji telah menyediakan soalan yang selaras dengan objektif bagi memastikan objektif tercapai. Kaedah temu bual dalam kajian ini melibatkan temu bual dengan guru berpengalaman dalam Rancangan Khas (RK) "Pelajar Kecerdasan Tinggi" di SMK Air Kuning dan seorang pelajar Ijazah Sarjana Mazatul Azrin Bin Rahman yang melanjutkan pelajaran di Universiti Pendidikan Sultan Idris dan merupakan seorang bekas guru dari SMK Sultan Yussuf. Beliau telah memberikan maklumat yang jelas dan baik untuk membantu kajian ini. Dalam sesi temu bual banyak maklumat mengenai pelajar kecerdasan tinggi yang merangkumi ciri-ciri, alat bantu mengajar, masalah disiplin yang timbul, dan sebagainya. Hasil temu bual telah dicatat dan dikaji oleh pengkaji.

2.2. Pemerhatian

Kaedah pemerhatian yang telah pengkaji jalankan adalah dengan melawat salah sebuah sekolah menengah yang terletak di Perak iaitu SMK Air Kuning. Pengkaji telah mengumpul pelbagai data dari pemerhatian yang telah dijalankan. Pemerhatian juga merupakan alternatif yang ada dalam mengumpul maklumat atau pengumpulan data selain temu bual.

2.3. Rujukan

Dalam menyiapkan kajian ini kaedah keperpustakaan telah digunakan bagi mendapatkan maklumat melalui bahan bacaan. Malah, laman web juga digunakan untuk mencari maklumat berkaitan artikel

dan gambar-gambar. Rujukan buku dan laman web adalah bagi mendapatkan maklumat supaya input yang diperolehi daripada temu bual dan pemerhatian dapat diperkukuhkan disamping mencari definisi yang lebih tepat berkaitan dengan tajuk tugas.

3. Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini merupakan hasil daripada temu bual yang telah dijalankan mengenai program pelajar kecerdasan tinggi di Sekolah Menengah Kebangsaan Air Kuning. Hasil kajian ini diperolehi melalui temu bual bersama seorang guru yang mengajar subjek sejarah. Secara khusus persoalan yang dikaji ini berdasarkan beberapa tema bagi mencapai objektif kajian iaitu untuk mengenalpasti ciri-ciri pelajar kecerdasan tinggi, program dan keberkesanan program yang dianjurkan, menganalisis teknik atau bahan bantu mengajar yang digunakan, cabaran yang dihadapi dan masalah tingkah laku di kalangan pelajar kecerdasan tinggi. Transkrip temu bual antara pengkaji dengan responden berkaitan dengan pelajar berkecerdasan tinggi di sekolah adalah sebagai berikut:

Perbualan antara pengkaji dan responden mengenai pelajar bekecerdasan tinggi di sekolah.

Pengkaji 1 dan 7: “Menurut cikgu, apakah cikgu paham tentang kaitan pelajar kecerdasan tinggi?”

Responden 1: “Pelajar bekecerdasan tinggi? Diikuti pelajar kecerdasan tinggi ini salah satu golongan pelajar yang mengikut pemerhatian khas dimana mereka dilihat berdasarkan aspek akademik ataupun secara praktikal, tetapi tak hanya tertumpu pada akademik malahan sukan untuk kita tengok ditafsirkan melalui sukan sebab sekolah tersebut merupakan sekolah sukan dan ada potensi untuk kecemerlangan dalam program sukan ini.”

Responden 2: “Pelajar KRK ini seterusnya mempunyai kelas elit. Budak-budak arkib ditempatkan di dalam kumpulan elit mana nya yang target lah. Tu je lah.

Pengkaji 2: “Jadi program yang, program yang contoh rancangan apa kelas tambahan itu, berkesankah untuk pelajar bekecerdasan tinggi ini? Dia kan kata cikgu tadi orang lain tidur, dia boleh siapkan kerja, jadi berkesankan untuk dia?”

Responden 2: “Berkesan sebab dia RK ada sedikit mempunyai keinginan untuk belajar walaupun, Kalau saya mengajar Sejarah, pahamkan kalau mengajar sejarah?Tapi dia ada effortlah. Nampak mata kuyu tapi dia effort nak belajar nak dengar juga tapi kalau kelas belakang, dia mengantok dia tidur macam tu je, dia tak kisah. Dia punya keinginan pelajar RK untuk belajar ada sedikit lah berbanding kelas lain sebab dia dah tahu dia punya. Dia dah duduk di Rancangan khas, orang bergantung harap pada dia, pelajar harapan. Jadi dia pandailah nak belajar.”

Pengkaji 3: “Cikgu kan sebagai guru yang mengajar Sejarah, apa kaedah ataupun yang cikgu gunakan untuk proses PdP?”

Responden 2: “PdP? Setakat ni, kalau Sejarah lebih kepada peta, peta minda, peta konsep dan lagi satu kalau tak nak bagi dia orang bosan, saya bawa peta. Peta yang besar tu. Kita kena ada bahan mengajar. Kalau kita cakap-cakap je, dia mengantok, dia masuk sini keluar sini. Dia tak dengar pun tapi bila ada bahan mengajar tu, dia walaupun tak paham tapi dia nampak tertariklah. Kita nak mengajar pun seronok, taklah kita nak mengajar tengok budak kuyu, kita pun jadi macam malas kan. Tapi kalau Rk ni, kalau kita bawak bahan mengajar, dia akan fokus pada bahan mengajar. Tapi kalau kelas lain, kelas belakang dia ada yang nak, ada yang buat tak tahu je. Dia buat kerja dialah.”

Pengkaji 2: “Kiranya pembelajaran abad ke-12 ini diamalkan atau tidak lagi?”

Responden 2: “Amal sebab tak boleh nak cakap dan lebih befokus. Kena budak yang aktif, cikgu hanya pantau.”

Pengkaji 4: “Seterusnya sepanjang cikgu mengajar dekat sini, pernahkah cikgu mengenal pasti masalah mungkin masalah tingkah laku yang timbul dalam kalangan pelajar KRK?”

Responden 2: “Ok, saya ajar form 3 RK, form 3 RK juga. Tak tahulah mungkin, tak tahu apa masalah tapi kalau KRK ini dia lebih sopan, dia pandai tapi dia hormat cikgulah. Tapi kalau tingkatan 2 ni, saya tak tahu apa masalah tapi nampak sikit lah dia punya sikap kurang pandai, macam tulah. Kadang kadanglah, bukannya setiap masa, jadi masa ni dia cakap ‘Malas nak layan cikgu’. Macam tulah kadang-kadang tapi mungkin tak tahulah, saya sendiri pun tak tahu macam mana nak jawab apa masalah dia yang sbenarnya.”

Pengkaji 4: “Yang seterusnya, cabaran-cabaran yang dihadapi semasa mengajar pelajar KRK?”

Responden 2: “RK tak banyak masalah sebenarnya sebab dia memang fokus waktu belajar tapi cumanya yang belakang lah tapi setakat ni okay lah.”

Pengkaji 2: “Kiranya macam untuk yang cikgu katakan tadi dia macam sombong, dia ada satu perasaan sombong. Klau dari segi masalah laku macam melawan cakap cikgu ke, adakah apa-apa masalah yang macam kronik orang kata?”

Responden 2: “Setakat ini tidak ada. Dia menjawab itu ada tapi tidak teruk, dia biasa ja setakat ini. Cuma kelas-kelas belakang yang banyak, kadang-kadang mereka okay sikit dan tidak bermasalah.”

Pengkaji 2: “Jadi kiranya masalah tingkah laku ini bukanlah bergantung kepada individu tersebut, kiranya masalah tingkah laku bergantung pada individu dan pembelajaran juga?”

Responden 2: “Kadang-kadang kurang berlaku juga kerana ada sesetengah dia okay, dia pandai dan dalam kelas dia fokus tapi bila kawan sebelah dia ajak bersembang, dia terpengaruh. Tu masalahnya Sebab itu kadang-kadang kalau susun budak, dia kena ikut juga dimana budak yang kuat sembang jangan duduk dengan yang kuat sembang tapi duduk dengan yang pendiam sedikit. Sebab dia orang kebanyakannya kawan tu dah nak belajar, kiranya dia dah dengar tapi bila kawan sebelah ajak sembang, dia mulalah ikut menyumbang dan membuat group menyumbang disitu. Itu yang masalahnya. Yang lain setakat ni okay.”

Pengkaji 5: “Seperti yang kita tahukan, pelajar kecerdasan tinggi ini merupakan tulang belakang bagi dalam meningkatkan prestasi sekolah terutamanya dalam bidang akademik. Jadi apakah statistik pelajar kecerdasan tinggi di sekolah ini adakah menunjukkan peningkatan, penurunan, negatif atau berubah berubah pada setiap tahun?”

Responden 1: “Seperti yang kita tahukan, untuk 10 tahun, pelbagai pendekatan yang digunakan untuk memaksimumkan pelajar agar dapat mencapai statistic yang diinginkan oleh sekolah.”

Pengkaji 6: “Selamat pagi. Nama saya Salina Anak Rentap. Asal dari Sarawak. Saya ingin bertanya dengan cikgu mengenai pelajar KRK iaitu seperti Seperti yang kita tahukan, pelajar kecerdasan tinggi ini merupakan tulang belakang bagi dalam meningkatkan prestasi sekolah terutamanya dalam bidang akademik. Jadi adakah statistik pelajar kecerdasan tinggi di sekolah ini menunjukkan peningkatan, penurunan, atau berubah-berubah pada setiap tahun?”

Responden 2: “Saya mengajar sejarah, format baru terdapat masalah sedikit. Budak dah biasa form 1, form 2 tidak didedahkan dengan format form 3, PT3 kan? Jadi pada tahun ini, dia jadi celaru sedikit, dimana macam benda baru, nak adapt tu lambat sedikit. Tidak tahu lah kena tengok setiap perkembangan exam lah. Tapi kalau tahun lepas saya tak pastilah sebab sya tak ajar form 3 tahun lepas.”

Pengkaji 2: “Baiklah, tu sahaja soalan daripada kami. Jadi beribu-ribu terima kasih kami ucapkan kepada cikgu kerana sudi meluangkan masa dan tenaga cikgu untuk melayani, untuk membantu kami menjalankan sesi temu bual ini.”

3.1. Ciri-Ciri Pelajar Kecerdasan Tinggi

Dapatan kajian melibatkan tema ciri-ciri pelajar kecerdasan tinggi mendapati pelajar yang mempunyai kecerdasan tinggi akan ditawarkan untuk mengikuti program Kelas Rancangan Khas (KRK). Pelajar yang mengikuti program tersebut terdiri daripada murid yang cemerlang berdasarkan keputusan UPSR setiap tahun. Melalui keputusan UPSR yang cemerlang, mereka diserap masuk ke program tersebut dan pelajar yang mengikuti program tersebut wajib duduk di asrama seperti mana yang dikatakan oleh responden iaitu:

“lebih kepada pelajar yang dapat result yang ok waktu sebelum masuk ke sekolah menengah, itu yang saya faham. Kalau kat sini nak masuk Rancangan Khas dia kena duduk asrama.”

Ciri-ciri pelajar bekecerdasan tinggi yang ditempatkan di kelas Rancangan Khas terdiri daripada pelajar yang bukan sahaja cemerlang dalam kurikulum malah mempunyai sahsiah yang cemerlang serta aktif dalam kokurikulum. Selain itu, pelajar bekecerdasan tinggi mempunyai ciri-ciri yang berbeza dengan pelajar kelas biasa dimana mereka tersebut mempunyai keyakinan untuk bertanya serta membuat kerja yang diberi hanya dengan satu arahan berbanding dengan pelajar kelas hujung dimana guru terpaksa mengingati mereka berkali-kali. Pelajar kecerdasan tinggi lebih aktif berbanding dengan pelajar kelas biasa semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung sebagaimana yang dinyatakan oleh Cikgu Anis:

“Ciri-ciri yang membezakan ialah mungkin cara dorang belajar. Selalunya kalau kelas belakang kita bagi kerja kita kena ulang 2 3 kali arahan tu, tapi kalau kelas depan kita bagi kerja arahan sekali dia akan terus buat pastu klau bagi kerja rumah pun okay la setakat ni. Kalau kelas belakang bagilah tempoh seminggu kekadang tak jalan pun. Lepas tu kalau dalam kelas pelajar kecerdasan tinggi aktif juga la, bila kita Tanya dia ade respon. Kalau kelas belakang dia banyak tidor tambah lagi sekolah ini adalah sekolah sukan jadi budak-bidak penat. Bila dalam kelas dia tidor.”

3.2. Program yang Dijalankan dan Keberkesanannya

Program yang dijalankan untuk pelajar kecerdasan tinggi berbeza dengan pelajar kelas biasa dimana pihak sekolah mengambil inisiatif dengan mengadakan kelas tambahan untuk mereka. Program tersebut khas untuk pelajar Rancangan khas. Selain itu, pihak sekolah telah menubuhkan kelas elite. Kelas ini ditubuhkan untuk menempatkan pelajar yang disasarkan untuk mendapat keputusan yang cemerlang semasa peperiksaan.

“kelas tambahan dijalankan untuk pelajar Rancangan Khas. Kelas tambahan baru mula minggu ni jadi pelajar rancangan memang ada kelas tambahan lepas tu ada kelas elite. Budak-budak Rancangan Khas ditempatkan dalam kumpulan elit maknanyer yang ditarget.”

Program kelas tambahan tersebut bekasan dan mendatangkan kesan yang positif terhadap pelajar dimana mereka mempunyai keinginan untuk mempelajari sesuatu walaupun mereka dalam keadaan mengantuk kerana mereka tahu sekolah bergantung harap dengan pencapaian yang mereka perolehi. Berbanding dengan pelajar kelas belakang, mereka tidak menunjukkan keinginan untuk mempelajari sesuatu seperti yang dikatakan oleh Cikgu Anis:

“Berkesan sebab pelajar Rancangan Khas ada sikit lah keinginan untuk belajar walaupun mengantuk. Dia ada “effort” lah, Nampak mata kuyu tapi effort dia nak belajar nak dengar jugak. Tapi kalau kelas belakang dia mengantuk dia tidur jer, dia dah tak kesah apa dah. Dia punya keinginan pelajar Rancangan Khas tinggi sikit daripada kelas lain sebab dia tahu dia dah duduk rancangan khas orang bergantung harap pada dia(pelajar harapan) jadi dia pandaila untuk nak belajar.”

3.3. Kaedah yang Digunakan untuk Proses Pengajaran dan Pembelajaran

Penggunaan bahan bantu mengajar merupakan kaedah yang mampu menarik minat pelajar untuk belajar ketika sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung kerana pelajar mudah tertarik dengan sesuatu yang baharu. Pelajar mudah bosan dengan pengajaran yang hanya bertumpu kepada buku teks semata-mata terutamanya apabila guru asyik menerangkan sesuatu secara lisan seperti yang dinyatakan oleh responden ketika temu bual iaitu:

“kalau subjek sejarah saya, saya lebih menggunakan peta minda, peta konsep dan lagi satu bagi mengelakkan pelajar bosan say akan mengajar menggunakan peta yang sebenar. Kita kena ada bahan bantu mengajar, kerana apabila guru hanya bercakap pelajar akan cepat bosan umpama masuk telinga kanan keluar kiri. Dengan adanya bahan bantu mengajar, walaupun pelajar tidak faham tetapi mereka Nampak tertarik dan kita yang mengajar pun seronok. Pelajar Rancangan Khas akan focus kepada bahan bantu mengajar.”

3.4. Cabaran yang Dihadapi serta Masalah Tingkah Laku Pelajar

Berdepan dengan pelajar yang mempunyai masalah tingkah laku bukanlah satu perkara yang asing di setiap sekolah. Banyak masalah tingkah laku yang berlaku di kalangan pelajar bekecerdasan tinggi antaranya mereka berlagak sombong. Sesetengah pelajar Rancangan Khas bersikap sombong dimana mereka malas nak melayan cikgu. Selain itu, ada juga pelajar yang suka menjawab tetapi masih berada di tahap yang minima berbanding dengan pelajar kelas biasa. Pelajar yang mempunyai masalah untuk fokus ketika sesi pengajaran akan mempengaruhi rakan yang duduk di sebelahnya seperti yang dikatakan oleh responden:

“Tingkatan 2 ni saya tak tahu apa masalah. Dia Nampak sedikit lah sikap kurang pandai tu. Kekadang dan bukannya setiap masa dia malas nak layan cikgunya. Pelajar yang menjawab kata-kata cikgu tu ada tapi tak teruk la setakat ni, Cuma kelas belakang yang banyak. Kekadang masalah tingkah laku ni pengaruh kawan jugak sebab ada sesetengah dia okay, dia pandai dan focus dalam kelas tapi bila kawan sebelah dia bersembang dia terpengaruh. Sebab itu kalau nak susun budak, jangan letak budak yang kuat sembang dengan budak yang kuat sembang, dia kena letak dengan budak yang pendiam sikit.”

3.5. Pencapaian Keseluruhan Pelajar Mengikuti Kelas

Berdasarkan statistik peperiksaan yang diperolehi daripada pihak sekolah, pengkaji mendapati kelas rancangan khas telah mengumpul Gred Purata Sekolah (GPS) yang paling rendah iaitu 2.82 berbanding dengan kelas yang biasa. Semakin rendah gred purata bermakna ramai pelajar di dalam tersebut memperolehi keputusan yang cemerlang serta peratus yang gagal adalah kurang. Semasa peperiksaan pertengahan tahun ataupun ujian sumatif, seramai 9 orang menguasai semua matapelajaran dan 4 orang pelajar tidak menguasai semua matapelajaran. Kelas Rancangan Khas memperolehi peratus ABCD yang tertinggi iaitu sebanyak 60%. Pencapaian sekolah mengikut kelas dibentangkan pada Rajah 1.

Selain itu, berdasarkan Rajah 2., pelajar terbaik PT 3 pada tahun 2018 dirangkuli oleh pelajar dari kelas Rancangan Khas yang memperolehi 10A. Berdasarkan Rajah 2. pengkaji mendapati pelajar dari kelas rancangan khas menduduki 5 tempat teratas dimana mereka memperolehi 6A dan keatas. Daripada 21 orang pelajar yang tersenarai, bilangan pelajar dari kelas rancangan khas lebih ramai berbanding dengan kelas yang lain.

4. Perbincangan


Dibawah tajuk ini akan membincangkan mengenai teori dan penyelidikan terdahulu tentang beberapa perkara yang berkaitan dengan kajian ini. Teori, pandangan dan dapatan daripada hasil kajian tersebut amat penting dan berguna dalam menjadi panduan terhadap permasalahan kajian yang telah dialami.

4.1. Teori Kecerdasan Pelbagai

Teori kecerdasan pelbagai yang diasaskan oleh Gardner [1] menyatakan bahawa manusia mempunyai sekurang-kurangnya Sembilan kecerdasan pelbagai yang merangkumi kebolehan seperti logic-

matematik, verval-linguistik, kinestetik-badan, muzikal, ruag visual, intrapersonal, interpersonal, naturalis dan eksistensialis.

Gardner [1] menjelaskan bahawa setiap kecerdasan adalah berasingan dan tidak saling bergantung dan tidak diwarisi semata-mata. Seseorang mungkin lemah dalam sesuatu bidang kemahiran tetapi cemerlang di dalam bidang kecerdasan yang lain. Hal ini turut dipengaruhi oleh budaya, penyesuaian individu kepada persekitaran, peluang pendidikan, makanan, suasana pembelajaran dan pelbagai faktor lagi.

 PENCAPAIAN SEKOLAH MENGIKUT KELAS (2018) (SEKOLAH MENENGAH)															
PENCAPAIAN KESELURUHAN PELAJAR MENGIKUT KELAS SEKOLAH : SMK AIR KUNING PEPERIKSAAN : PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN / SUMATIF 2 TINGKATAN : T3															
Kelas	Bil Calon Daftar	Bilangan Calon Mengikut Kategori										Peratus ABCD	GPS kelas		
		A Semua MP	Sekarangnya						F Semua MP	Tidak Hadir Semua	MENGUASAI/TIDAK MENGUASAI				
			1B	1C	1D	1E	1F	1T			Menguasai Semua MP			Tidak Menguasai Semua MP	
3_EXCELLENT	33	0	0	0	0	10	23	0	0	0	0	10	23	30.30 %	3.95
3_KNOWLEDGEABLE	15	0	0	0	0	0	4	10	1	1	0	0	5	0.00 %	5.88
3_MAGNIFICENT	26	0	0	0	0	0	19	7	0	0	0	0	19	0.00 %	5.23
3_RANCANGAN_KHAS	15	0	0	1	2	6	4	2	0	0	0	9	4	60.00 %	2.83
3_SUCCESS	32	0	0	0	0	1	29	2	0	0	0	1	29	3.13 %	5.01
JUMLAH	121	0	0	1	2	17	79	21	1	1	0	20	80	16.53 %	4.54
Nota															
Sila pastikan SU Peperiksaan sekolah anda telah melakukan Proses Markah Peperiksaan untuk mendapatkan data yang terkini.															

Rajah 1. Pencapaian Keseluruh Pelajar Mengikut Kelas

Pelajar terbaik PT3 tahun 2018 dibentangkan pada Rajah 2.

1	ARNENABILA NATASHA BINTIAHMAD SABRI	3RK	10A
2	FATIN NAZURA BINTI NOORRIZAN	3RK	8A 2B
3	MOHAMAD FAIZ BIN ROSLAN	3RK	7A 2B 1C
4	NURSYAMILAH BINTI DZULCAFLY	3RK	7A 1B 1C 1E
5	AHMAD KUSHAIRI BIN JAINAL	3RK	6A 2B 2C
6	MUHAMAD FAKHRI BIN HARIS FADILLAH	3S	6A 1B 2C 1D
7	NUR SYAZA BINTI MOHAMAD YOUSRI	3RK	5A 4C 1D
8	DINI ADWA' MIZA BINTI NORZAINI	3RK	5A 3B 2D
9	NUR FARAHANIS BINTI KAMARUL ARIFFIN	3E	5A 2B 2D 1E
10	MUHAMAD SYAHRUL BIN BADRUL HISHAM	3RK	5A 1B 3C 1E
11	MUHAMMAD ZAMIR HAIKAL BIN MOHAMAD ZAMRI	3RK	5A 1B 2C 2D
12	MUHAMMAD HANIS FITRI BIN KAMARUL AZMAN	3S	5A 1B 2C 1D 1E
13	NORHIDAYAH BINTI AHMAD NAZERI	3RK	4A 4B 1C 1D
14	MOHAMMAD FIRDAUS BIN MOHD FAUZI	3E	4A 3B 2C 1E
15	MUHAMMAD HANIF BIN KAMARUZAMAN	3E	4A 3B 2C 1D
16	HAMIROOL HAZIQ BIN ERWIN ADISAFUTRA	3RK	4A 2B 2C 1D 1E
17	NURUL AIN IZZATIE BINTI NORAZUAN	3RK	3A 3B 3C 1E
18	SYAD MUHAMMAD HAKIMI BIN SYAD RAMLEE	3E	2A 4B 1C 1D 2E
19	KAMAL ARIF BIN KHALID HASAN	3E	2A 3B 3C 2E
20	NUR HAIKAL NAJMIE BIN NOR AZHAR	3E	1A 5B 2C 1D 1E
21	HALIMATUN-SAADIAH BINTI MOHAMAD YUNUS	3E	1A 5B 2C 1D 1E

6.2 Pn. Hjh Lashita bt Ghazali merumuskan bahawa keputusan PT3 tahun 2018 merosot berbanding dengan tahun sebelumnya, iaitu 17.65 % dan GPS ialah 3.79. Turut memohon agar panitia Matematik merangka strategi untuk meningkatkan pencapaian Matematik memandangkan kebanyakan near miss ialah subjek Matematik. Tn. Pengetua menyuarakan kesediaan menyediakan peruntukan untuk program-program tertentu yang boleh meningkatkan pencapaian Sains dan Matematik PT 3.

Tindakan : KP Matematik

Rajah 2. Pelajar Terbaik PT3 Tahun 2018

4.2. Teori Behaviorisme

Selain teori kecerdasan pelbagai, teori yang boleh dikaitkan dalam kajian ini adalah teori behaviorisme. Teori ini diasaskan oleh J.B Watson yang terkenal dengan teori Little Albert. Selain daripada J.B Watson, terdapat tokoh lain yang turut mengkaji teori ini. Mereka adalah Skinner, Thondike dan Pavlov. Mereka berpendapat bahawa pembelajaran merupakan suatu tingkah laku yang

boleh diperhatikan, dikawal dan diramal. Dari perspektif behaviorisme, pembelajaran hanya bermula apabila wujudnya tindak balas terhadap sesuatu rangsangan yang diberi. Proses pembelajaran akan diteruskan jika terdapat motivasi ekstrinsik yang sesuai sementara pembelajaran dikatakan berakhir apabila perubahan tingkah laku dapat dibentuk dan dikekalkan. Teori behaviorisme ini dilihat relevan terhadap perkaitannya dengan teori kecerdasan pelbagai untuk kajian ini. Skinner [2], Jenkins et al. [3] dan Braine [4] mengatakan kanak-kanak tidak memperoleh sebarang kemahiran secara semulajadi. Namun begitu mereka percaya kanak-kanak mempunyai keupayaan untuk mempelajarinya dan persekitaran memainkan peranan utama untuk merangsang penguasaan tersebut. Oleh yang demikian, minat dan tahap penguasaan seseorang murid dalam sesuatu pembelajaran itu bergantung kepada rangsangan dan bahan bantu mengajar yang disediakan oleh seseorang guru.

4.3. Kajian-Kajian Lepas yang Berkaitan

Setiap manusia dilahirkan dengan keunikan dan keistimewaan yang tersendiri iaitu mereka mempunyai kebolehan semulajadi yang dapat memajukan diri sendiri. Hasil kajian Hassan [5], menyatakan dalam kajian kecerdasan pelbagai di peringkat pra sekolah bahawa kecerdasan pelbagai seharusnya bermula di peringkat kanak-kanak. Namun, terdapat juga individu yang tidak dapat mengenalpasti kebolehan semulajadi yang terdapat dalam diri mereka walaupun sudah meningkat dewasa. Kebolehan semulajadi yang dimaksudkan adalah kecerdasan yang terdapat dalam diri individu. Sekiranya seseorang individu tidak mempunyai kebolehan semulajadi, ianya akan menyebabkan individu tersebut tidak mempunyai keyakinan diri yang tinggi dan sering menganggap mereka golongan yang lemah yang tidak mampu bersaing dengan yang lain. Menurut Hassan [5], keadaan ini memberikan kesan negatif dalam bidang pendidikan kerana tidak dapat menghasilkan insan yang berkeyakinan tinggi dalam pelbagai perkara. Motah [6], berpendapat bahawa kecerdasan pelbagai merupakan faktor yang boleh mempengaruhi penyediaan dan persembahan pelajar dalam tugas mereka.

Secara keseluruhan daripada kajian ini mendapati bahawa pelajar yang mempunyai tahap kecerdasan tinggi mempunyai kebolehan akademik yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar yang lain merujuk kepada pencapaian sekolah yang diberikan. Hasil penyelidikan mendapati bahawa murid-murid pintar ini kebiasaannya menunjukkan kebolehan akademik yang tinggi dalam ujian-ujian akademik di sekolah dan selalu mendapat markah yang tinggi dalam ujian kecerdasan.

Daripada komponen berkaitan pelajar kecerdasan tinggi yang dikaji, ianya menunjukkan pelajar ini mempunyai ciri perwatakan yang berbeza berbanding pelajar biasa dan ia sedikit sebanyak menyumbang kepada proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih teratur dan berkesan. Kajian terkini banyak mencadangkan bahawa kreativiti merupakan manifestasi kepada ciri-ciri pintar akademik [7], [8], [9], [10].

Kajian lepas mendapati usaha mengenal pasti tingkah laku murid dilakukan bagi membantu para guru atau kauselor khususnya dalam merancang kaedah pengajaran atau program yang bersesuaian [11]. Didalam proses pengajaran dan pembelajaran juga, kaedah dan alat bantu mengajar juga memainkan peranan yang penting untuk membantu pelajar menguasai sesuatu subjek tanpa jemu. Proses merangka strategi serta alternatif pembelajaran dan pengajaran yang berkesan juga perlu diberi perhatian. Perbezaan yang dimiliki oleh pelajar ini termasuklah aspek personaliti, gaya dan keperluan pembelajaran serta pengetahuan dan keupayaan kognitif [12]. Pelajar berkecerdasan tinggi lebih gemar menggunakan pendekatan abad ke-21. Pendekatan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 dapat memberi mereka peluang dan ruang untuk berfikir dan menyampaikan idea serta soalan dengan cara tersendiri. Pendekatan ini sedikit sebanyak telah membantu mereka membina keyakinan untuk bercakap dan bertanyakan soalan.

Jamian et al. [13] dalam kajiannya menjelaskan penggunaan bahan bantu mengajar yang menarik, bersesuaian dengan tahap kebolehan murid semasa merencanakan isi pelajaran dapat merangsang minat murid dan bermotivasi untuk terus belajar. Bahan bantu mengajar hendaklah digunakan secara optimum dalam pembelajaran agar menghasilkan pembelajaran bermakna dan meninggalkan kesan positif dalam diri.

Secara umumnya, sebagai seorang guru yang mempunyai kemahiran menguruskan kelas, kelas seharusnya berada dalam keadaan tenang, teratur, bersistematik dan mempunyai garis panduan yang mudah yang dapat diikuti oleh murid bagi mengurangkan masalah tingkah laku dikalangan pelajar

kecerdasan tinggi di dalam kelas. Murid yang mempunyai kreativiti yang tinggi biasanya memiliki tingkah laku yang unik [14].

Daripada hasil temu bual yang dijalankan, pelajar kecerdasan tinggi ini tidak mempunyai salah laku yang berat. Namun, mereka mempunyai gangguan pembelajaran dengan tidak memberi tumpuan didalam kelas. Dalam kajian Barron et al. [15] berkaitan ciri-ciri individu kreatif, didapati tingkah laku murid-murid yang mempunyai daya kreativiti yang tinggi sering mengelirukan atau sering menimbulkan masalah kepada guru-guru di bilik darjah atau ibu bapa di rumah. Antaranya, suka berimajinasi, tidak suka mematuhi peraturan, mudah jemu dengan kerja-kerja rutin dan sebagainya.

Bagi mengatasi masalah ini, guru telah mengenalpasti murid dan disarankan agar meletakkan murid yang mudah terganggu bersebelahan dengan murid yang dapat memberi tumpuan sepenuhnya didalam kelas. Guru juga dicadangkan untuk meletakkan mereka yang mempunyai masalah tingkah laku ini berhampiran dengan meja guru agar guru dapat memberi tumpuan yang lebih kepada mereka dan mereka dapat menerima perhatian daripada guru sepanjang masa. Guru juga diingatkan untuk tidak meletakkan murid yang mudah terganggu ini berhampiran pintu dan tingkap ataupun benda-benda yang dapat mengganggu perhatian mereka. Selain masalah tingkahlaku tumpuan dalam bilik darjah, pelajar berkecerdasan tinggi ini juga sering menganggap diri mereka lebih hebat dan lebih pintar daripada guru. Jadi, mereka cenderung untuk bersikap sombong dan bongkak terhadap guru mereka sendiri. Bagi guru yang pernah menghadapi masalah tingkahlaku sebegini, guru dicadangkan agar sentiasa mewujudkan hubungan rapat dengan murid supaya mereka berasa selesa dan selamat untuk berada bersama guru berkenaan, berkomunikasi dan berbincang secara selesa [16]. Dengan mewujudkan hubungan yang baik diantara guru dan murid, ianya memudahkan guru untuk membentuk tingkahlaku murid berkenaan.

Hasil kajian yang lepas menyarankan supaya aspek pengurusan sosio-emosi pelajar pintar cerdas diberi perhatian kerana ketidakselarasan di antara perkembangan kognitif dengan perkembangan komponen psikologi yang lain terutama emosi dan sosial boleh mengakibatkan pelajar berkecerdasan tinggi ini mengalami tekanan dalam menyesuaikan diri dengan persekitaran atau penyesuaian dalam hubungan sosial [17], [18]. Hal ini disebabkan oleh semakin tinggi tahap IQ (kecerdasan intelek) PPB, semakin tinggi risiko untuk mereka terdedah pada masalah penyesuaian sosial dan emosi [19].

4.4. Saranan

Pengetahuan guru mengenai teori kecerdasan dan teori behaviorisme dapat membantu guru mengaplikasikannya dalam psikologi pendidikan dan seterusnya membolehkan guru merancang proses dan strategi pengajaran dan pembelajaran secara berkesan. Hal ini kerana kecerdasan yang terdapat pada seseorang pelajar boleh dijadikan sebagai petunjuk potensi pelajar tersebut. Tambahan pula, guru boleh menjadikan teori kecerdasan dan teori behaviorisme ini sebagai landasan untuk merancang teknik dan kaedah pengajaran dan pembelajaran bersesuaian dengan jenis kecerdasan dan bakat yang terdapat pada pelajar. Dengan mengetahui kaedah pengajaran yang berkesan, guru tidak terhad melakukan satu-satu jenis kecerdasan saja malah guru juga boleh menjalankan pengajaran berdasarkan Sembilan kecerdasan yang lain.

Selain itu, kaedah pembelajaran dan pengajaran subjek ini perlu dipelbagai dan diperkemas. Perancangan yang baik dengan memperkayakan pengalaman pembelajaran di luar bilik darjah secara kreatif menerusi kaedah experiential dan meaningful learning boleh menyumbang kepada pembinaan daya tahan yang tinggi. Pendekatan pembelajaran perlu diikuti dengan latihan amalan refleksi. Amalan refleksi secara mendalam dapat membantu pelajar berkecerdasan tinggi ini membuat renungan sendiri dalam memahami makna di sebalik tekanan yang dialami. Kemampuan memaknakan pengalaman yang dilalui akan dapat memimpin celik akal kematangan jati diri yang seterusnya dapat membantu murid berkecerdasan tinggi dalam membina kekuatan dalaman untuk menangani isu-isu sosio-emosi yang dialami. Tambahan lagi, suasana pembelajaran seperti ini dapat menjadikan pelajar lebih bermotivasi, bersemangat dan berketerampilan. Keadaan seperti ini boleh mewujudkan suasana yang kolaboratif di antara guru dan pelajar di sekolah.

5. Kesimpulan

Kesimpulannya, pelajar yang berkecerdasan tinggi merupakan pelajar yang mempunyai kebolehan dalam setiap matapelajaran di sekolah. Hal ini dimana pelajar berkecerdasan tinggi ini adalah pelajar yang sering mendapat keputusan peperiksaan yang cemerlang dan pelajar yang menjadi tumpuan guru

untuk menaikkan nama baik sekolah ke peringkat yang lebih tinggi dalam peperiksaan awam. Hasil daripada kajian yang telah dijalankan didapati pelajar yang berkecerdasan ini menggunakan kelebihan yang dimiliki untuk mempertingkatkan dan memajukan mereka sendiri kerana mereka merasakan mereka mempunyai kelebihan dalam pembelajaran dan lemah pada kecerdasan yang lain. Namun, turut dipengaruhi oleh pelbagai aspek untuk pelajar berkecerdasan tinggi ini dalam menyesuaikan diri mempertingkatkan tahap kelebihan yang dimiliki mereka iaitu yang bersesuaian dengan teori kecerdasan pelbagai.

Seterusnya untuk menjadikan pelajar yang berkecerdasan tinggi ini lebih meningkat dalam matapelajaran mereka, guru juga memainkan peranan yang penting kerana pemilihan alat bantu mengajar yang betul membolehkan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan berkesan dimana pelajar akan mula tertarik dan proses penyampaian maklumat juga senang berlaku seperti yang terdapat di dapatan kajian mengatakan guru di SMK Air Kuning menggunakan “Globe” semasa sesi pengajaran dan pembelajaran subjek Sejarah selain mengadakan suatu program untuk meningkatkan semangat pelajar untuk belajar yang berkaitan dengan teori behaviorisme.

Berdasarkan daripada kajian lepas yang dinyatakan pada bahagian perbincangan laporan telah menunjukkan bahawa kajian lepas tersebut mempunyai kaitan dengan objektif kajian pelajar berkecerdasan tinggi. Hal ini dimana berdasarkan daripada dapatan kajian untuk objektif tingkah laku pelajar iaitu guru di SMK Air Kuning telah mengatakan bahawa tingkah laku pelajar berkecerdasan tinggi ini tidak seperti tingkah laku pelajar yang lain iaitu masih boleh dikawal oleh guru dan tidak menunjukkan tingkah laku yang boleh menyebabkan mereka terkena tindakan disiplin.

Kajian yang dijalankan adalah bersesuaian dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. Hal ini dimana melalui pelajar kecerdasan tinggi ini dapat melahirkan masyarakat yang berintegriti tinggi, berfikiran jauh dan berdaya saing selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Rujukan

- [1] H. Gardner, *Frames of Mind: The Theory of Multiple Intelligences*. New York: Basic Books, 1983.
- [2] B. F. Skinner, *Verbal Behaviour*. Cambridge: Harvard University, 1948.
- [3] J. Jenkins, and D. Palermo, “Mediation Process and the Acquisition of Linguistic Structure,” *Monographs of the Society for Research in Child Development*, vol. 29, no. 1, pp. 141-169, 1964.
- [4] M. D. S Braine, “On Two Models of the Internalization of Grammars,” in *The Ontogenesis of Grammar. A Theoretical Symposium*, D.I. Slobin, (ed.). New York, Academic Press, 1971.
- [5] J. Hassan, and I. A. Mohd, *Pemikiran Keseluruhan Otak (dalam Pengurusan Pendidikan Dengan kecerdasan Emosi (Emotional intelligence-E.Q))*. Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distribution Sdn. Bhd, 2010.
- [6] M. Motah, “Study of the Influence of Multiple Intelligences and the Use of Soft Skills in Project Write-up among IT and Non-IT Students: A Research Paper,” in *Proceedings of the 2007 Informing Science and IT Education Joint Conference*. Mauritius, 2017.
- [7] N. A. Nadeem and T. A. Wani, “Personality Structure and Creative Potential of Male and Female Academically Gifted Students,” *Basic Research Journal of Education Research and Review*, vol. 2, no. 3, pp. 55-58, 2013.
- [8] A. H. Cevher, P. Ertekin, and M. S. Koksall, “Investigation of Scientific Creativity of Eighth Grade Gifted Students,” *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, vol. 1, no. 4, pp. 19, 2014.
- [9] E. Karademir, “Investigation the Scientific Creativity of Gifted Students through Project-Based Activities,” *International Journal of Research in Education and Science (IJRES)*, vol. 2, no. 2, pp. 416-427, 2016.

- [10] J. S. Renzulli, *The Three-Ring Conception of Giftedness*. Waco, TX: Prufrock Press, 2016.
- [11] R. A. Majid, N. M. Ishak, and Z. M. Jelas, "Profil Pemprosesan Kognitif Pelajar Pintar Cerdas Akademik di Sekolah Menengah," *Jurnal Pendidikan*, vol. 30, no. 3, pp. 35-49, 2005.
- [12] N. M. Ishak and A. Y. A. Bakar, "Counseling Services for Malaysian Gifted Students: An Initial Study," *International Journal for the Advancement of Counselling*, vol. 36, no. 4, pp. 372-383, 2014.
- [13] A. R. Jamian and H. Ismail, "Pelaksanaan Pembelajaran Menyeronokkan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu," *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, vol. 3, no. 2, pp. 4963, 2013.
- [14] Hamid and A. A. Mohd, *EQ: Panduan Meningkatkan Kecerdasan Emosi*. Bentong Pahang: PTS Publication, 2004.
- [15] F. Barron and D. Egan, Leaders in Innovators in Irish Management. *J. Manage*, vol. 5, pp. 41–60, 1968.
- [16] G. Thomas and A. Loxley, *Deconstructing Special Education and Constructing Inclusion (2nd Edition)*. New York: McGraw-Hill Education, 2007.
- [17] B. Clark, *Growing Up Gifted: Developing the Potential of Children at Home and at School*. NY: Macmillan, 1992.
- [18] L. K. Silverman, "The Moral Sensitivity of Gifted Children and the Evolution of Society," *Roeper Review*, vol. 17, no. 2, pp. 110-116, 1994.
- [19] L. Hollingworth, *Children above 180 IQ*. New York: World Book, 1942.